

24/10/2002

Sekretariat Patriotisme Negara ditubuh akhir tahun

Mohd Azrone Sarabatin

JAWATANKUASA Kongres Patriotisme Negara yang dianggotai Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Biro Tatanegara (BTN), akan menubuhkan Sekretariat Patriotisme Negara, selewat-lewatnya akhir tahun ini susulan Kongres Patriotisme Negara yang berlangsung di Bangi, Selangor, mulai hari ini hingga Sabtu.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, berkata penubuhan sekretariat itu amat penting kerana ia dapat membantu melahirkan generasi muda yang memiliki semangat cinta dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara.

Katanya, sekretariat itu akan dianggotai masyarakat pelbagai kaum dengan tumpuan terhadap pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta kerana pembabitan mereka dapat membantu memperkukuh keharmonian kaum di negara ini.

Beliau berkata, tanpa semangat berkenaan agak sukar untuk generasi muda mempertahankan negara daripada anasir negatif dari negara luar, terutama Barat.

"Oleh itu, penubuhan sekretariat ini diyakini dapat membantu menyemai semangat patriotisme di kalangan generasi muda kita," katanya pada sidang akhbar sempena penganjuran kongres itu di Kuala Lumpur, semalam.

Seramai 500 peserta terdiri daripada pelajar, wakil organisasi, pertubuhan bukan kerajaan dan individu dijangka menghadiri kongres yang diadakan di Institut Latihan Keselamatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bangi, Selangor.

Selain pembentangan 26 kertas kerja, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi tetamu kehormat pada hari terakhir kongres itu menerusi slot Bersama YAB Perdana Menteri yang akan dipengerusikan oleh Dr Ahmad Fawzi sendiri.

Pada majlis penutupan kongres itu pula, Dr Ahmad Fawzi berkata, deklarasi patriotisme akan diserahkan kepada Perdana Menteri.

Beliau berkata, dua perkara penting yang diperolehi daripada kongres bertema Patriotisme teras ketahanan nasional itu ialah menghasilkan gagasan patriotisme negara sebagai agenda nasional untuk dihayati bersama dan melahirkan model patriotisme yang boleh dijadikan tunjang pelaksanaannya di seluruh negara.

Mengenai perjalanan kongres itu, katanya, lima kertas kerja akan dibentangkan pada sidang pertama, iaitu Formula Malaysia oleh Pengerusi dan Ketua Eksekutif KUB Berhad, Datuk Hassan Harun dan Patriotisme di Malaysia (Prof Datuk Dr Khoo Kay Kim - Universiti Malaya).

Ini diikuti Patriosme di alaf baru (Datuk Saifuddin Abdullah - Pengerusi Akademi Belia Kebangsaan) dan Patriotisme dan bangsa Melayu (Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh - Universiti Kebangsaan Malaysia).

Pada sidang kedua bertema Dasar negara tentang patriotisme, dua persidangan diadakan serentak iaitu Sidang 2A dengan pembentangan kertas kerja Dasar Pembangunan Belia dan Patriotisme oleh Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Datuk Raja Ruslan Raja Samah dan Perundangan dan Patriotisme (Shamsul Bahrain Ibrahim - Senior Partner Skrine & Co).

Sidang 2B pula, pembentangan kertas kerja Dasar Pendidikan negara dan patriotisme oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, Dasar perkhidmatan awam dan patriotisme (Datuk Ismail Adam - Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Perkhidmatan Awam) dan Dasar pertahanan negara dan patriotisme (Siti Azizah Sheikh Abod - Timbalan Ketua

Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pertahanan).

Antara kertas kerja lain yang turut dibicarakan ialah Peranan pihak swasta dalam menyemarakkan semangat patriotisme, Patriotisme dan sumbangan BTN, Penerapan patriotisme dalam penulisan sejarah dan Peranan penyiar awam dalam peningkatan patriotisme.

Selain itu, Tahap patriotisme di kalangan pelajar universiti, Dasar dan kajian semasa tentang patriotisme, Patriotisme dan bangsa Malaysia di mana kita dan mahu ke mana kita akhirnya? Islam dan patriotisme serta Peranan dan cabaran wartawan Malaysia dalam memupuk semangat patriotisme.